

# Melayu perlu sesuaikan diri dengan perubahan — PM

UM 19 JUN 2002

KUALA LUMPUR 18 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, adalah penting bagi orang Melayu menyesuaikan diri dengan perubahan kerana mereka tidak boleh lagi tunggu dan membiarkan diri mereka ketinggalan.

“Kita tak ada masa. Dunia sekarang berjalan dengan lebih pantas, teknologi bergerak dengan begitu cepat sekali.

“Kalau kita (ikut) zaman purba yang mana sesuatu perubahan mengambil masa 10 atau 100 tahun, maka kita akan ketinggalan zaman. Ia memerlukan tindakan segera,” kata Perdana Menteri.

Beliau yang juga Presiden UMNO menyatakan demikian

kepada pemberita selepas Majlis Taklimat Presiden UMNO kepada 2,033 perwakilan sempena Perhimpunan Agung UMNO ke-56 di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

● **Dr. M: Pas hina Islam jika laksanakan hukum tidak adil — Muka 2**

Dr. Mahathir ditanya sama ada langkah melaksanakan peperiksaan mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan dilakukan secara tergesa-gesa.

*Utusan Malaysia* hari ini melaporkan langkah itu melibatkan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah, Penilaian Menengah Rendah dan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

“Ya, itu kita punya sasaran (bagi peperiksaan berkenaan) dan kita boleh buat kalau kita nak buat,” jelas Dr. Mahathir sambil menambah sudah tentu pelaksanaan sesuatu dasar atau pendekatan baru akan berdepan dengan masalah pada peringkat awal.

Katanya: “Kita harus terima bahawa akan ada masalah dan kalau kita tak pandai mengatasi masalah, maka kita tidak layak menjadi pemerintah.”

Sementara itu ketika ditanya sama ada orang Melayu akan menganggap tindakan drastik kerajaan dalam beberapa isu pendidikan kebelakangan ini merupakan usaha untuk menarik hak keistimewaan orang Me-

layu, Dr. Mahathir berkata, orang Melayu boleh membuat penilaian sendiri mengenainya.

“Ia bergantung kepada mereka untuk membuat penilaian sama ada ia merupakan sesuatu yang baik atau buruk bagi mereka,” katanya.

Antara langkah-langkah berkenaan ialah pengenalan kuota 10 peratus dalam Program Matrikulasi dan Maktab Rendah Sains Mara kepada bukan Melayu, sistem merit bagi kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam dan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

■ **Lihat muka 4**

## Melayu perlu sesuaikan diri dengan perubahan — PM

Perdana Menteri juga menjelaskan, kenyataan yang dikeluarkannya mengenai keadaan kaum Melayu dalam wawancara khas dengan *Mingguan Malaysia*, Ahad lalu lebih berupa teguran.

“Itu bukanlah satu kritikan keras (sebaliknya) kata-kata nasihat,” ujarnya ketika ditanya mengenai wawancara itu.

Menurut Dr. Mahathir, beliau tidak boleh membuat sebarang an-

daian mengenai reaksi orang Melayu terhadap kenyataan tersebut.

“Saya tidak boleh meramalkan apa orang akan kata atau apa reaksi mereka.

“Lain orang lain tindakannya,” kata Dr. Mahathir lagi.

Perdana Menteri dalam wawancara tersebut melahirkan kekecewaan kerana sikap suka bergantung kepada bantuan, subsidi dan hak istimewa masih menjadi pegangan orang Melayu.

Beliau menyatakan bahawa hak istimewa bukanlah sesuatu yang mulia tetapi sesuatu yang hina dan memalukan.

Perdana Menteri turut menyatakan orang Melayu hanya mahu mencari jalan singkat, tidak mahu bekerja keras atau bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan

Mereka, ujar beliau, sebaliknya sentiasa mengharapkan bantuan dan pertolongan kerajaan.